

buletin

FKM

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL



2180 2911

Formula Varsity 2010

Perundingan

Penerbitan dan Penyelidikan

Kincir Air Mesra Alam

Kejohanan Bowling Tertutup FKM

Paper Review

TJ
145
.B84
2010
a
v4

ISI KANDUNGAN

Kata Aluan Ketua Editor	3
Kata Aluan Dekan FKM	4
Aktiviti Staf	5
Aktiviti Pelajar	12
Artikel Bukan Teknikal	13
Artikel Teknikal	17
Pengetahuan Umum	21

TJ145 .B84 2010 v4



87516017



PENGERUSI

Y.Bhg. Professor Dr. Md. Razali bin Ayob
Dean, Faculty of Mechanical Engineering, UTeM

PENASIHAT

Professor Madya Ahmad Rivai
Timbalan Dekan (Akademik)

Professor Madya Ir. Dr. Abdul Talib bin Din
Timbalan Dekan (Penyelidikan)

KETUA EDITOR

Mohd Rody bin Mohamad Zin

PEN. KETUA EDITOR

Nadlene binti Razali

EDITOR

Mohd Azli bin Salim
Mohd Nazim bin Abdul Rahman
Mohd Zaid bin Akop
Mazlan bin Ahmad Mansor

PEMBANTU TEKNIKAL

Zulkifli bin Ishak
Aiza Azwadi bin Abdul Wahab

SIDANG REDAKSI BULETIN FKM EDISI 2010


Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaan daripada-Nya, akhirnya Buletin FKM edisi Disember 2010 telah kembali mengisi ruangan bacaan anda semua. Buletin edisi Disember ini merupakan penutup bagi buletin FKM tahun 2010. Di mana ia mengumpulkan segala agenda yang berlaku sepanjang tahun 2010 dan ditambah pula dengan koleksi-koleksi terhebat karya dan tulisan berbentuk ilmiah dari penulis yang terdiri dari staf FKM sendiri. Tahniat diucapkan kepada semua penulis-penulis yang tidak jemu-jemu menghantar artikel mereka untuk menjadi santapan minda oleh pembaca Buletin semua.

Buletin edisi kali ini lebih menjurus kepada pencapaian dari segi penyelidikan dan perundingan bagi tahun 2010. Ianya merakamkan segala pencapaian yang telah dikecapi oleh FKM dipertandingan penyelidikan, pameran, dan pengiktirafan yang telah diterima. Tidak lupa juga artikel berbentuk teknikal dan bukan teknikal juga diselitkan dimana ia dapat memberi pengetahuan dan ilmu kepada pembaca mengenai topik-topik yang ditulis.

Pada edisi kali ini, ruangan baru telah diperkenalkan iaitu "Salam Perantauan FKM". Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada staf FKM yang berada di perantauan untuk menyampaikan salam atau ucapan mereka buat kenalan atau sahabat mereka di tanah air. Moga dengan adanya ruangan ini, ia sedikit sebanyak dapat mengeratkan silatut rahim diantara semua warga FKM tidak kira di mana mereka berada.

Syukur Alhamdulillah, dengan kesungguhan dan iltizam yang ditunjukkan oleh semua warga FKM terhadap Buletin ini, maka tercapailah objektif JK Penerbitan untuk menyematkan budaya perkongsian ilmu di dalam bentuk penulisan oleh staf FKM.

Akhir bicara dari saya, jutaan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Jawatankuasa Penerbitan diatas segala usaha yang gigih dalam menerbitkan buletin edisi ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbang artikel dan juga yang menjayakan aktiviti fakulti sepanjang tempoh ini.



Assalamualaikum Warahmatullahiwabarokatuh dan Salam Sejahtera


Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dengan keizinanNya, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengorak langkah dengan lebih jauh lagi dengan kejayaan menerbitkan Buletin@FKM 2010 yang merakamkan aktiviti menyeluruh fakulti sepanjang tahun 2010.

Untuk merealisasikan kecemerlangan dan kegemilangan yang sering kali diperkatakan oleh warga universiti pada masa kini, FKM menerusi gandingan semua staf tidak kira dari golongan akademik, pentadbiran, sokongan dan makmal telah berjaya mengadakan pelbagai aktiviti berbentuk akademik, riadah dan sosial yang dihadiri oleh staf dan pelajar. Oleh yang demikian, buletin edisi kali ini memaparkan segala aktiviti yang dijalankan ataupun dihadiri oleh staf dan pelajar sepanjang tahun 2010.

Buletin @FKM 2010, turut memuatkan penulisan berbentuk teknikal dan bukan teknikal yang melibatkan staf akademik dan juga bukan akademik. Peningkatan bilangan penulisan daripada staf akademik dan bukan akademik adalah amat membanggakan. Buletin kali ini juga turut menyenaraikan penglibatan staf akademik dalam penyelidikan dan perundingan di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Tahniat diucapkan diatas kecemerlangan yang telah ditunjukkan disepanjang tahun 2010. Diharap kejayaan yang diraih menjadi pemangkin kepada staf FKM yang lain untuk melibatkan diri dalam bidang penyelidikan dan perundingan dan sekaligus dapat menaikkan nama UTeM dimata dunia.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada semua warga FKM kerana mampu bergerak seiring dengan perkembangan dan peredaran zaman. Semoga FKM akan terus maju seterusnya menjadi sebuah fakulti yang cemerlang dan gemilang.

"Kejayaan Bermula Di Sini"



SENARAI **AKTIVITI** SEPANJANG TAHUN 2010

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Bengkel Pelarasan Pelan Strategik UTeM Peringkat Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	15 – 17 Jan 2010	Hotel Kelana Resort, Seremban	RM 9, 570.00	- bertujuan menyediakan Laporan Pencapaian Tahunan ini penting bagi pengukur prestasi setiap PTI selaras dengan kehendak Universiti - juga menyediakan Perancangan bagi Aktiviti Tahun 2010 dan juga pengagihan bajet bagi tahun 2010
2.	Bengkel Pemunian Fail Meja Staf Pentadbiran Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	22 - 24 Jan 2010	Hotel Quality, Kuala Lumpur	RM 4, 980.00	- bertujuan menyediakan Fail Meja bagi setiap staf dan juga sesuatu jawatan bagi membolehkan satu dokumen rujukan yang terperinci dan lengkap yang boleh diguna pakai dari masa ke semasa untuk staf itu sendiri ataupun semasa proses pertukaran staf baru

Januari

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Bengkel Penyediaan Soalan Peperiksaan Akhir Semester II, Sesi 2009/2010	5 – 7 Februari 2010	Hotel Everly Resort, Tanjung Kling, Melaka	RM 9, 200.00	- bertujuan menyediakan kertas soalan peperiksaan akhir semester II sesi 2009/2010 berserta skema jawapan sebelum dihantar kepada pemeriksa luar/profesor pelawat untuk tujuan penilaian
2.	Bengkel Garis Panduan Pasca Siswazah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	11 – 13 Februari 2010	Klebang Beach Resort, Melaka		
3.	Bengkel Sistem Dokumentasi Dan Rekod Siri 1/2010	17 Februari 2010	Makmal Reka Bentuk Automotif, Fasa B	RM 98.00	
4.	Bengkel Penyediaan Buku Panduan Akademik Fakulti Kejuruteraan Mekanikal 2010/2011	25 Februari 2010	Bilik Mesyuarat FKM, Makmal Fasa B		-bertujuan untuk menyediakan garis panduan/sistem pengurusan dokumen bagi beberapa jenis dokumen
5.	Lawatan Kerjasama Penyelidikan Staf Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Ke Stesen Janakasa Sistem Solar/Angin Hibrid Milik Tenaga Nasional Berhad (TNB)	26 – 28 Februari 2010	Stesen TNB, Pulau Perhentian, Terengganu.	RM 5, 080.00	- bertujuan memberi peluang kepada staf FKM dalam menjalankan projek kerjasama dengan industri yang berkenaan.

Februari

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Ceramah & Persembahan Poster "Pengenalan Metrologi Dan Kaedah Analisis" FKM	3 Mac 2010	Bilik Seminar FTMK, Tingkat 3, Kampus Induk.	RM 840.00	-memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan dengan konsep Metrologi dan Analisis. Selain itu persembahan poster dijangka spat meningkatkan keupayaan berinteraksi dan komunikasi dua hala.
2.	Bengkel Pelaksanaan OBE Untuk Projek Sarjana Muda (PSM)	6 Mac 2010	Makmal Reka Bentuk Automotif, Fasa B	RM 238.00	- bertujuan untuk menerapkan konsep OBE pada elemen penilaian terhadap pelajar dalam melaksanakan dan mengendalikan PSM.
3.	Ceramah Teknikal "Integrated Eco Tool For Sustainable Product Development" Sempena Lawatan Profesor Pelawat	11 Mac 2010	Auditorium Canselor, Kampus Induk.		
4.	Bengkel Penyediaan Laporan Borang Kaji Selidik Pelajar Sem II Sesi 2009/2010	12 Mac 2010	Studio Lukisan Berbantu Komputer 1 (SLBK), Fasa B.	RM 84.00	-menyediakan laporan terhadap aktiviti yang telah dijalankan. Ianya sebagai input kepada pihak Fakulti terhadap tahap keadaan terkini tanggapan pelajar terhadap keadaan di Fakulti dan Universiti.

Mac

5.	Bengkel Akhir Untuk Merangka Penerbitan "Journal Of Mechanical Engineering And Technology	19-21 Mac 2010	Hotel Bella Vista, Langkawi, Kedah	RM 9, 650.00	-bertujuan untuk membuat rangka akhir penerbitan jurnal fakulti sebelum proses jilid dilakukan dan dihantar ke Belanda untuk tujuan pengiktirafan daripada SCOPUS.
6.	Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan Bagi Pelajar FKM	22 Mac 2010	Ayer Keroh D'Village	RM 8, 800.00	-bertujuan untuk memberi galakan dan motivasi kepada pelajar yang cemerlang supaya dapat meneruskan kecermelangan dalam bidang akademik masing-masing.
7.	Bengkel Pindaan Struktur Kurikulum Anjuran Jawatankuasa Kurikulum & Silibus, FKM	26-28 Mac 2010	Hotel Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan.	RM 9, 670.00	-
8.	Bengkel Kemas Kini Borang Soal Selidik Majlis Perjumpaan Pelajar Bersama Penasihat Akademik	26 Mac 2010	Studio Lukisan Berbantu Komputer 1 (SLBK), Fasa B.	RM 84.00	-bertujuan mendapatkan kualiti yang baik dari segi penyampaian, maksud dan soalan yang ingin dikupas terhadap pelajar tentang keadaan terkini fakulti dan universiti.
9.	MGA Prestige Programme 2010	27 – 28 Mac 2010	Equatorial Hotel, Melaka	-	-Seramai 24 pelajar terlibat dim program ini. -Pelajar BMCT telah memenangi Anugerah dari program tersebut

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Bengkel Pengemaskinian 1 Anjuran Jawatankuasa Jadual Waktu FKM	19-23 April 2010	Studio Lukisan Berbantu	RM860.00	-membantu dan bekerjasama dalam menyediakan jadual waktu untuk penyarah, pelajar dan makmal mengikut keperluan fakulti
2.	Bengkel Pengemaskinian 1 Jawatankuasa ICT	23 April 2010	Bilik Mesyuarat FKM, Tingkat 1, Fasa B.	RM 132.00	-membantu dan bekerjasama dalam mengemaskinian maklumat di dalam halaman web FKM dapat dilakukan mengikut perancangan semasa
3.	Pameran Dan Pertandingan Poster Latihan Industri Semestrell Sesi 2009/2010	27 April 2010	Ruang Legar Kompleks Fasa B.	RM 5, 650.00	-menilai keberkesanan latihan industri yang dilaksanakan dan mengetahui maklumbalas dari pihak pelajar melalui sesi soal jawab sewaktu pameran diadakan. Selain dari itu, turut mencungkil bakat kreativiti pelajar itu sendiri melalui poster yang dihasilkan
4.	Kursus Pendek Solidwork	27 April 2010	SLBK 1 & SLBK 4, Fasa B	RM 540.00	-memberi pendedahan dan memupuk minat pelajar-pelajar diploma berkenaan penggunaan Soloworks. -Menampung kekurangan daripada aspek silibus program diploma yang tidak menawarkan matapelajaran yang memberi pendedahan tetag penguanaan Solidworks.
5.	Majlis BacaanYasin Kesuri Bil 2/2010	22 April 2010	Bilik Kuliah 4, Fasa B	-	-

April

Mei

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Bengkel Semakan Kurikulum & Silibus, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	7 – 9 Mei 2010	Hotel Klana Resort, Seremban	RM 9, 220.00	-bertujuan menyediakan Semakan Kurikulum Dan Silibus yang baru perlu dilakukan dalam keadaan terkawal dimana staf yang diberi tugas dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap penyediaan dokumen ini.
2.	Bengkel Pengemaskinian 1 Jawatankuasa Latihan Industri	10 Mei 2010	Bilik Mesyuarat FKM, Tingkat 1, Makmal Fasa B	RM 120.00	-membantu dan bekerjasama dalam mengemaskinian maklumat yang berkaitan dengan latihan industri mengikut perancangan semasa
3.	Jamuan Makan Malam Bersama Pelajar Tahun Akhir Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	10 Mei 2010	Hotel Renaissance, Melaka	RM 19, 200.00	-mengesan semula pelajar yang telah bekerja selepas beberapa tahun untuk menilai sama ada Program Objektif yang disasarkan dicapai atau sebaliknya. Taklimat ringkas akan diberikan kepada pelajar bagi menerangkan penglibatan bekas pelajar dalam memberikan maklum balas yang diminta oleh fakulti. Maklumat ini amat diperlukan oleh fakulti bagi mendapatkan akreditasi program yang ditawarkan.
4.	Bengkel Pengemaskinian 1 Jawatankuasa Penerbitan Akademik	13 Mei 2010	Bilik Mesyuarat FKM, Tingkat 1, Makmal Fasa B	RM 132.00	-diadakan untuk menyelaraskan semua aktiviti penerbitan Jurnal Of Mechanical Engineering (JMET) dan juga Buletin FKM seperti yang telah dibincangkan dalam mesyuarat sbml ini
5.	Mesyuarat Panel Penasihat Industri Kurikulum & Silibus Progra Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal	15 Mei 2010	Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya.	-	-
6.	Bengkel Pusat Penyelidikan Teknologi Tenaga & Automatif (Create), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	17-19 Mei 2010	Ayer Keroh D'Village Resort, Melaka	RM 5, 870.00	- membincangkan tajuk-tajuk penyelidikan yang bakal dijalankan oleh FKM untuk tahun 2010 yang menurus kepada bidang tuhan Fakulti dan dalam 4 cluster Unversiti
7.	Bengkel Penulisan Makalah Di Kalangan Staf Teknikal Untuk Tujuan Penerbitan Buletin FKM Sesi 2010/2011	27 Mei 2010	Studio Lukisan Berbantu Komputer 1, (SLBK 1), Fasa B.	RM 460.00	-bertujuan membuat penulisan berbentuk makalah untuk staf teknikal dan sokongan lain di FKM.

Mei

Jun

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Bengkel Penyediaan Dokumen Sistem Pengurusan Makmal Fakhli (SPMF)	1 – 3 Jun 2010	Shah Beach Resort, Tanjung Kling, Melaka	RM 9, 940.00	-bertujuan memperolehi keseragaman dalam segala urusan di makmal dan memastikan semua staf dan pelanggan mematuhi peraturan yang telah dipersetujui
2.	Bengkel Penilaian Hasil Pembelajaran (LO) Dan Hasil Program (PO) bagi Mata Pelajaran Semester 2 Sesi 2009/2010, FKM	1 – 2 Jun 2010	Studio Lukisan Berbantu Komputer 1 & 2 (SLBK 1 & 2), Fasa B.	RM 1, 320.00	-memberikan pendedahan yang jelas tentang konsep OBE kepada staf akademik
3.	Majlis Bacaan Yassin Kesuri	3 Jun 2010	Fasa B	-	Mengerat kan lagi hubungan antara staf FKM
4.	Bengkel Semakan Semula SKT Pertengahan Tahun 2010, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.	18-20 Jun 2010	Klana Resort, Seremban.	RM 9, 920.00	-bertujuan untuk melihat prestasi Fakulti yang telah dicapai dalam separuh tahun pertama yang boleh diukur dari segiaktiviti yang telah dijalankan, anugerah-anugerah yang telah dicapai dan juga pengurusan kewangan yang cekap
5.	Majlis Ramah Mesra Kesuri 2010	22 Jun 2010	Ruang Legar, Fasa B.	-	-Mengerat kan lagi hubungan antara staf FKM
6.	Bengkel Semakan Buku Panduan Akademik Sesi 2010/2011	22 – 24 Jun 2010	Makmal Reka bentuk Automatif, Fasa B.	-	-
7.	Bengkel Permuanian Jadual Waktu Semester 1 Sesi 2010/2011, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	25-27 Jun 2010	Klana Resort, Seremban	RM 6, 800.00	-Memastikan agihan beban pengajaran di kalangan tenaga pengajar adalah seimbang dan bersesuaian dengan kapasiti tenaga pengajar di Fakulti menurut keperluan terkini.
8.	Bengkel Permuanian Buku Panduan Projek Sarjana Muda (PSM) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	29-20 Jun 2010	SLBK 4, Fasa B	RM 432.00	-bertujuan untuk membuat semakan dan menambahkan garis panduan pelaksanaan PSM, aspek penilaian Laporan, Pengendalian Am dan Seminar serta penerangan rubrik bagi meningkatkan lagi kualiti pencapaian pelajar dalam
9.	Taklimat Pelaksanaan Sistem Kualiti & ISO FKM	29 Jun 2010	Makmal Reka Bentuk Automatif 2, Fasa B.	RM 60.00	-memberi pendedahan kepada staf akademik tentang Sistem Kualiti & ISO

Jun

Julai

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Kursus latihan Penggunaan Perisian 'Cambridge Element Selector (CES)' Anjuran Jabatan Automatif, FKM	2 Julai 2010	SLBK 4	-	-
2.	Bengkel Semakan Dan Perancangan Kampus Tetap Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	9– 11 Julai 2010	Permaisuri Resort Port Dickson	RM 15, 960.00	-Mengemaskini maklumat akhir yang telah di hantar ke pejabat pembangunan pada 2010 dan 2008. Ia akan menjadi penanda aras untuk jawatankuasa melakukan penambahan serta mengemaskini maklumat berkaitan pelan layout bangunan, susun atur, saiz dan sebagainya.
3.	Taklimat Perubahan Kurikulum & Program Perjumpaan Pelajar Bersama Penasihat Akademik	13, 14 & 22 Julai 2010	Dewan Sukan & Auditorium Canselor	RM 6, 700.00	-bertujuan menenangkan kepada semua pelajar berkenaan dasar perubahan kurikulum agar pelajar dapat memahami perubahan kurikulum yang telah dilakukan oleh fakulti serta keperluan kepada perubahan yang telah dilakukan.
4.	Program Pelajar Anjuran Fakulti Kejuruteraan Mekanikal – Kejohanan EMARACE	23 & 24 Julai 2010	Data' Sagar Island Circuit, Pasir Salak, Perak	RM 10, 595.00	-dengan penyertaan pelajar pada kejohanan EMA Race anjuran UTM, pelajar dapat memupuk sikap antara pelajar seterusnya menambah baik Soft Skill mereka memandangkan kegiatan ini diadakan secara berkumpulan. Kemahiran berkomunikasi pelajar juga dapat ditingkatkan
5.	Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan FKM Bagi Tahun 2010	29 Julai 2010	Auditorium Canselor, Kampus Induk.	RM 3, 718.00	-merupakan program yang perlu dijalankan oleh fakulti bagi meraikan pelajar yang mendapatkan Sijil Kepujian Dekan bagi setiap semester di sepanjang pengajian pelajar.
6.	Kejohanan Badminton Tertutup FKM 2010	24 Julai 2010	Dewan Sukan UTeM	-	-mengeratkan hubungan silaturahim antara staf

Julai

Ogos

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Program Kecemerlangan Akademik Pelajar Semester 1, Sesi 2010/2011	6 – 8 Ogos 2010	Kem El- Azhar Morib, Banting, Selangor	RM 9, 950.00	-Program ini berperanan meningkatkan sahsiah diri yang melibatkan pelajar dengan harapan meningkatkan lagi prestasi akademik mereka
2.	Taklimat Pelaksanaan Projek Sarjana Muda (PSM) Dan "Student Learning Time" (SLT) Di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	9 Ogos 2010	Auditorium PPS	-	-bertujuan untuk member lebih kefahaman yang lebih mendalam disamping mendapatkan pandangan berkaitan perkara tersebut dikalangan staf akademik FKM.
3.	Bengkel Penyediaan Laporan Bagi Majlis Perjumpaan Pelajar Bersama Penasihat Akademik	18 Ogos 2010	SLBK 2, FKM	-	Bertujuan menjalankan analisis soal selidik bagi mendapatkan input daripada pelajar mengenai keadaan terkini tanggapan pelajar mengenai sistem akademik dan kemudahan yang diberikan fakulti dan universiti.
4.	Seminar Projek Sarjana Muda (PSM)	21 Ogos 2010	Makmal Fasa B	-	- Mengetahui dan menilai PSM pelajar

Ogos

September

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Bengkel Akhir Untuk Merangka Penerbitan Buletin FKM Edisi Ogos 2010 Bagi Sesi 2009/2010	1 Sept 2010	Bilik Mesyuarat FKM, Fasa B.	-	-bertujuan membuat rangka akhir penerbitan Buletin FKM sebelum proses jilid
2.	Bengkel Penuhban Jabatan Laji & Penyenggaraan	6 – 7 Sept 2010	Makmal Rekebentuk Automatif, Fasa B.	-	-
3.	Ceramah Teknikal "Composite Materials – A Perspective On Structural Design Applications"	22 Sept 2010	Auditorium Canselor	RM 950.00	-memberi pendedahan terkini dalam bidang sains bahan dan aplikasinya dalam bidang struktur kejuruteraan

Sept

Oktober

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Seminar Projek Sarjana Muda (PSM), FKM	4 -6 Oktober 2010	Kompleks Makmal, Fasa B	RM 1, 911.00	sebahagian daripada komponen penilaian pelajar dalam melaksanakan PSM dan juga merupakan kaedah bagi Fakulti memerhati dan menilai kemahiran dan keupayaan seseorang pelajar dalam menyampaikan hasil projek secara lisan, berkomunikasi dengan penampilan diri yang berkualiti dan berkesan.
2.	Kejohanan Fomula Varsity UTeM 2010	8 - 10 Oktober 2010	Litar Lumba Cub Prix, Stadium Hang Jebat	RM 99, 215.00	-Kejohanan ini mencabar pelajar-pelajar kejuruteraan untuk membentuk, membina, dan bertanding dengan jentera lumba "formula style".
3.	Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pelajar FKM (FaMESA) Sesi 200-/2010	13 Oktober 2010	Dewan Seminar FTMK, Kampus Induk.	RM 2, 700.00	-bertujuan memilih jawatankuasa baru bagi sesi 2010/2011 untuk menerajui persatuan ini.
4.	Ceramah Teknikal "Digital In Japanese Industries"	13 Oktober 2010	Auditorium PPS, Kampus Induk	RM 1, 384.00	-pelajar dapat mengetahui teknologi-teknologi terkini supaya dapat memupuk minat para pelajar dalam bidang kejuruteraan secara tidak langsung memberikan motivasi dan semangat yang tinggi untuk mereka belajar ditahun akhir dan juga untuk menempuh alam pekerjaan kelak.
5.	Seminar Penyelidikan Pasca Siswazah Semester 1 Sesi 2010/2011	13 & 14 Okt 2010	Kompleks Makmal, Fasa B	RM 910.00	-melalui seminar ini para pelajar dapat bertukar pandangan serta pendapat dengan staf akademik yang berkelayakan tentang penyelidikan yang dijalankan dan dapat menilai status terkini projek penyelidikan yang telah dijalankan oleh pelajar tersebut.
6.	Kursus Latihan Penggunaan Perisian Peralatan "Trainer Heat Exchanger Unit"	13, 14, & 20 Okt 2010	Makmal Pindahkan Haba, Fasa B	-	
7.	Lawatan Ke Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. Rawang, Selangor	16 Oktober 2010	Otomobil Kedua Sdn. Bhd, Rawang, Selangor	-	-bertujuan agar para pelajar dapat merealisasikan hubungan universiti-industri khususnya FKM dan Perodua Sdn. Bhd. Dalam mengadakan kerjasama pada masa akan datang
8.	Bengkel Penyediaan Dokumen Perubahan Kurikulum	22 – 24 Oktober 2010	Shah's Beach Resort	RM 6, 020.00	-bertujuan untuk setiap jabatan dapat menyediakan kertas kerja mengikut format yang telah digariskan oleh JKPT untuk di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi bagi mendapatkan kelulusan.
9.	Hari Reka Bentuk Jabatan Reka bentuk & Inovasi FKM 2010	27 Oktober 2010	Kompleks Makmal, Fasa B	RM 5, 000.00	-mendedahkan kepada pelajar tentang persaingan dunia rekabentuk sebenar dan kepentingan membangunkan sesuatu rekabentuk sebagai satu aktiviti kumpulan.

Oktober

November

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Bengkel Penyediaan Draf Awal Jadual Waktu Bagi FKM	1 – 4 November 2010	Makmal Fasa B, FKM	RM 572.00	-bertujuan untuk Jawatankuasa Jadual Waktu menyediakan dokumen draf awal jadual waktu tenaga pengajar, pelajar dan makmal untuk semester 2 Sesi 2010/2011 yang akan datang.
2.	Bengkel Penyediaan Dokumen Penawaran Program Ijazah lanjutan Secara Kerja Kursus (Master By Taught Courses) FKM	9 & 10 November 2010	Pemaisuri MITC Ancasa Hotel, Ayer Keroh	-	
3.	Bengkel Akhir Untuk Merangka Penerbitan "Journal Of Mechanical Engineering Technology" Terbitan Disember 2010 Sesi 2010/2011 FKM	22 – 23 November 2010	Pemaisuri MITC Ancasa Hotel, Ayer Keroh, Melaka	RM 9, 860.00	-bertujuan untuk membuat rangka akhir penerbitan jurnal fakulti sebelum proses berjilid dilakukan dan dihantar ke Belanda untuk tujuan pengitrafan daripada SCOPUS dan dijangka untuk penghantaran pada bulan Januari 2011

November

Disember

BIL	TAJUK	TARIKH	TEMPAT	KOS	MATLAMAT & OBJEKTIF
1.	Latihan Peralatan Perisian "Thermal Imaging Camera"	14 Disember 2010	Makmal Pembakaran, Fasa B.	-	-latihan peralatan penyelidikan Jabatan Termal Bendalir
2.	Begkel OBE Untuk Penyediaan Dokumen MQA Bagi Program Diplom Mekanikal	27 – 28 Disember 2010	Makmal Rekabentuk Automotif, Fasa B.	RM 728.00	-untuk merangka dan menyediakan dokumen-dokumen pengajaran dan pembelajaran di Peringkat Pengajian Diploma untuk mendapatkan pengitrafan MQA.
3.	Bengkel Penyediaan Dokumen Program Teknologi (Jabatan Mekanikal)	31 Dis 2010 – 2 Jan 2011	Kelana Resort, Ford Dickson.	-	

Disember

Kejohanan BOWLING TERTUTUP FKM 2010

22 Disember 2010, 8.00 mlm
Melaka International Bowling Center



Pada 22 Disember 2010, bertempat di Melaka International Bowling Center (MIBC), Ayer Keroh Melaka telah berlangsung Kejohanan Bowling Tertutup FKM. Kejohanan ini telah mendapat sambutan luar biasa dengan penyertaan staf mencecah sehingga 56 orang dengan penggunaan 14 gelanggang. Mengenakan pakaian bertemakan "hijau" di kalangan peserta membuktikan semangat dan perpaduan erat dikalangan warganya. Kejohanan tersebut telah berjaya dijalankan sebanyak 3 permainan telah mencungkil bakat – bakat baru sekaligus bakal menjadi sandaran fakulti bagi penyertaan pada Sukan Antara Jabatan 2011. Berikut disenaraikan pemegang bagi kejohanan yang dipertandingkan.


"Bersama merapatkan ukhuwah melalui bersukan.."



- Juara Kategori Kumpulan**
Pemain: Azhar B. Baharuddin, Ikmal Hisham B. Ibrahim @ Ibarahim, Kamaruddin B. Abu Bakar & Nazri Huzaimi B. Zakaria
Jatuhannya: 1656
- Naib Juara Kategori Kumpulan**
Pemain: Syahbudil Ikwan B. Abdul Kudus, Muhammad Firmansyah B. Abdul Muath, Hardy Rusnandi, Ridzuan B. Ahmad
Jatuhannya: 1458
- Ketiga Kategori Kumpulan**
Pemain: Azhar B. AB Aziz, Fudhal B. Abdul Munir, Mohd Rozaimi B. Zahidin & Dr Yasnady B. Mohamed Arifin
Jatuhannya: 1478
- Jatuhannya Pin Tertinggi Lelaki**
Pin: Mohd Zaid Bin Akop
Jatuhannya: 483
- Jatuhannya Pin Tertinggi Perempuan**
Pin: Suhaili B. Sallehuddin
Jatuhannya: 332
- Anugerah Khas**
Pin: Suhaili B. Sallehuddin & Nazri Huzaimi B. Zakaria

Rewang Aidilfitri FKM

Pada malam sebelum Majlis Jamuan Hari Raya Peringkat Universiti iaitu pada 28 September 2010, FKM telah mengadakan gotong – royong dikalangan ahlinya bagi persediaan sambutan majlis hari raya tersebut. Bertempat di ruang legar Fasa B, FKM telah ditugaskan untuk menyediakan menu "sup aneka" dan "air inovasi". FKM berbuah kerana terdapat ahli yang menyumbang daging untuk dijadikan sajian bagi majlis hari raya tersebut. Kepuasan jelas terpancar pada semua yang terlibat apabila segala persediaan selesai walaupun mencecah hampir jam 11.00pm. Semoga semangat kerjasama ini terus subur di kalangan staf FKM dan terima kasih kepada semua yang terlibat.



PENAMAAN PENGURUS SAJ 2011 FKM

Bagi menghadapi kejohanan Sukan Antara Jabatan 2011 FKM dibawah biro sukan KESURI telah melantik pengurus dan penolong pengurus bagi setiap acara yang dipertandingkan. Ianya adalah bertujuan bagi memudahkan perjalanan dan urusan pengendalian bagi sesebuah acara yang ditawarkan. Berikut adalah senarai pengurus yang telah dilantik bagi setiap acara.

BIL	SUKAN	PENGURUS	NO. HP	NO. PEJABAT	EMAIL	PENOLONG PENGURUS
1	Badminton Campuran	Zulkifli Bin Ishak	012-2989115	3316592	zulkifli.ishak@utem.edu.my	Azhar B. Ab. Aziz
2	Bola Jaring	Nor An Bt Ibrahim	019-2975492	3316755	noran@utem.edu.my	Nur Ain Bt Hasan
3	Bola Sepak	Razmi Bin A Razak	017-6884247	2332529	razmi@utem.edu.my	Mohd Syakir B. Mohtarudin
4	Bola Tampar (L)	Aiza Azwadi Bin Abdul Wahab	017-2555765	3316756	aswadi@utem.edu.my	Mahader B. Muhamad
5	Bola Tampar (P)	Nurussalwa Bt Tamby Suleiman	017-6302171	3316756	nurussalwa@utem.edu.my	Nor Faizah Bt. Haminudin
6	Boling Padang (L)	Muhammad Firmansyah Bin Abdul Mutalib	012-2119247	3316591	firmansyah@utem.edu.my	
7	Boling Padang (W)	Alidah Bt Hj Mohd Ali	017-6060524	3316591	alidah@utem.edu.my	
8	Dart (L)	Faizol Bin Kamarul Zahari	019-6655316	2332536	faizol@utem.edu.my	
9	Dart (P)	Nur Ain Binti Hasan	012-9352189	3316755	nurain@utem.edu.my	
10	Futsal	Mohd Yuszrin Bin Md Yacop	018-2644246	2332532	yuszrin@utem.edu.my	
11	Karom Campuran	Rashdan Bin Seman	019-6658158	2332518	rashdans@utem.edu.my	
12	Ping Pong Campuran	Ridzuan Bin Ahmad	012-6716781	2332530	ridzuan@utem.edu.my	
13	Sepak Takraw	Johardi Bin Abdul Jabar	012-2741727	3316557	johardi@utem.edu.my	Azhar B. Baharuddin
14	Tenpin Boling (L)	Fadhli Bin Syahrial	012-5064870	3316558	fadhliyahrial@utem.edu.my	
15	Tenpin Boling (W)	Suhaila Bt Mohd Yusof	019-4174036	3316756	suhaila.yusof@utem.edu.my	
16	Tenis	Masjuri Bin Musa	012-3056261	2332622	masjuri@utem.edu.my	
17	Olahraga	Mohd Hairi Bin Md Rahim	012-6265836	2332534	hairi@utem.edu.my	Shamsul Bahari Bin Azraai

Pada temasya kali ini FKM menasarkannya untuk sekurang – kurangnya menyamai rekod pencapaian SAJ 2010 yang lepas dengan menjuarai 2 jenis sukan. SAJ 2011 dimeriahan dengan pengisytiharan t-shirt rasmi kejohanan FKM ini seperti gambar yang tertera.



Semoga FKM dapat mencapai sasaran yang ditetapkan pada temasya kali ini. **“Sukan bukan hanya mengenai kemenangan, ia lebih kepada proses bagi mencapainya...”**

Kursus Pendek Penggunaan Peralatan 'Trainer Heat Exchanger Unit – (THEU)' Anjuran Jabatan Termal-Bendalir, FKM

Satu kursus pendek mengenai penggunaan peralatan 'Trainer Heat Exchanger Unit – (THEU)' telah dilaksanakan pada 13, 14 dan 20 Oktober 2010 bertempat di Makmal Pemindahan Haba, Kompleks Fasa B. Kursus ini diadakan selama tiga hari bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pada 5.00 petang. Kursus THEU ini dianjurkan oleh Jabatan Termal-Bendalir, FKM diatas dasar pembelian peralatan tersebut. Hampir seramai lapan orang pensyarah dari jabatan yang sama menghadiri kursus ini dan tenaga pengajarnya adalah dari pembekal itu sendiri iaitu Mr Gui dari Production Engineering Sdn Bhd.

Tujuan kursus ini diadakan adalah kerana untuk memberi pendedahan secara umum dan terperinci mengenai peralatan THEU ini. Peralatan ini adalah lebih menjurus kepada konsep pemindahan haba secara kealiran dan olakan. Peralatan ini bakal digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai amali dan juga penyelidikan.

Secara keseluruhan, kursus pendek THEU adalah sangat baik bagi staf akademik yang terlibat secara langsung dalam subjek pemindahan haba. Kemahiran yang diperolehi dari kursus ini diharap dapat dikongsi bersama pensyarah yang lain dan juga digunapakai di dalam ruang amali sebagai pendedahan kepada pelajar mengenai konsep pemindahan haba.

Disediakan oleh: Mohd Zaid Akop

Pada 27hb Disember yang lalu, satu lawatan teknikal ke Solar District Cooling Sdn Bhd (SDC), Puchong telah diadakan dimana ianya dihadiri oleh Y.Bhg Dekan dan beberapa staf FKM yang lain. Lawatan tersebut telah diuruskan oleh PM Ir Mustafar selaku Pengerusi Jawatankuasa Hubungan Industri dan ia telah disambut baik oleh pihak SDC. Pihak SDC diwakili oleh En. Edison Kong selaku Pengarah Urusan di syarikat tersebut. Lawatan tapak dan demo berlangsung selama hampir 2 jam dimana pihak SDC mempamerkan teknologi terbaru 'solar collectors' dan juga sistem 'solar air conditioning' yang telah beroperasi di bangunan tersebut selama hampir 2 tahun.

Secara asasnya, lawatan ini dilakukan adalah untuk melihat teknologi terkini yang berkaitan dengan tenaga solar dan sekaligus membincangkan potensi kerjasama antara FKM, UTeM dan SDC. Antara perkara yang dibincangkan adalah 'internship programme', latihan industri, latihan staf (PEng), penyelidikan bersama, 'MyPhD' dan juga program 'MyMaster'. Sebagai permulaan, seorang pelajar Projek Sarjana Muda (PSM) akan ditempatkan di SDC bagi menyiapkan projek yang berkaitan sekaligus mendapat pengalaman industri terhadap projek yang dilaksanakan.

Permulaan yang baik seharusnya ditamatkan dengan pengakhiran yang baik. Oleh yang demikian, diharapkan lawatan ini tidak berakhir begitu sahaja. Bantuan dari tenaga akademik adalah amat diperlukan bagi menzahirkan matlamat fakulti dalam membentuk kerjasama dan hubungan dengan industri.

Disediakan oleh: Mohd Zaid Akop

LAWATAN TEKNIKAL di Solar District Cooling Sdn Bhd (SDCSB)



Ceramah Teknikal

“Digital In Japanese Industries”

anjuran : FKM

Pada 13 Oktober yang lalu, satu ceramah teknikal yang bertajuk “Digital In Japanese Industries” telah dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) di Auditorium PPS, Kampus Induk UTeM. Ceramah teknikal tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, DreamEdge iaitu Encik Khairil Adri Adnan bersama beberapa staf teknikal beliau yang dahulunya adalah bekas pelajar FKM, UTeM.

Lebih mengejutkan, kedatangan para pelajar tahun akhir dan staf UTeM adalah amat memberangsangkan sehinggakan Auditorium PPS diisi penuh dan ada yang berdiri dibahagian belakang auditorium bagi tidak melepaskan peluang untuk mendengar ceramah yang disampaikan. Ceramah teknikal yang disampaikan adalah berkait terus dari pengalaman industri dan juga teknologi-teknologi terkini yang telah digunapakai di industri secara umumnya dan di DreamEdge secara khususnya. Ini secara tidak langsung dapat memupuk minat pelajar tahun akhir khususnya untuk mendalami bidang kejuruteraan yang diambil dan juga memberi ruang motivasi serta semangat yang tinggi untuk mereka belajar ditahun akhir dan menempuh alam pekerjaan yang sebenar kelak. Staf Mekanikal juga mendapat tempias dari ceramah ini dimana peluang penyelidikan bersama industri dapat diterokai bersama demi memantapkan lagi elemen penyelidikan di fakulti dan universiti.

Apa yang diharapkan dari ceramah ini, para pelajar diminta secara terus menerus menimba ilmu dan membuka minda agar berjalan dan berfikir seiring dengan teknologi semasa.

“Ceramah teknikal yang disampaikan adalah berkait terus dari pengalaman industri dan juga teknologi-teknologi terkini”

Seminar Projek Sarjana Muda (PSM) FKM Semester 1 Bagi Tahun 2010



Bagi melengkapkan proses pelaksanaan Projek Sarjana Muda (PSM) pada semester 1, satu seminar PSM FKM telah diadakan pada 4 – 6 Oktober 2010 di Kompleks Makmal, Fasa B. Seperti sedia maklum, seminar PSM ini diadakan bertujuan untuk membuat penilaian awal terhadap hasil kerja pelajar tahun akhir mengenai penyelidikan yang sedang dijalankan. Ia juga merupakan kaedah bagi fakulti memerhati dan menilai kemahiran dan keupayaan seseorang pelajar dalam menyampaikan hasil projek secara lisan, berkomunikasi dengan penampilan diri yang berkualiti dan berkesan

Disediakan oleh: Mohd Zaid Akop

Penilaian yang dijalankan adalah berdasarkan hasil kerja pelajar untuk satu semester yang pertama. Kebiasaannya, pada seminar PSM yang pertama ini, pelajar akan membentangkan tajuk, kajian literasi dan metodologi penyelidikan yang bakal dilaksanakan pada semester dua nanti. Secara umumnya, komen dan kritikan membina akan dilontarkan oleh para panel penilai yang terdiri daripada barisan pensyarah FKM. Secara tidak langsung, para pelajar akan mendapat input agar ia dapat digunakan untuk pelaksanaan PSM dua kemudian hari.

Seminar PSM 1 yang mengambil masa selama tiga hari ini membentangkan lebih kurang 252 tajuk yang datangnya dari empat jabatan yang berbeza. Keseluruhan tajuk adalah meliputi bidang automotif, termal-bendalir, struktur bahan dan rekabentuk inovasi. Secara keseluruhannya, para pelajar masih berada dilandasan penyelidikan yang betul cuma segelintir yang perlu disemak semula agar ia menepati kehendak penyelidikan semasa dan mempunyai kualiti penyelidikan yang baik.



FKM Mesra Alam melalui Projek Kincir Air Mercu Tanda Teknologi Hijau UTeM




Selaras dengan hasrat Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dalam merealisasikan Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau 2020, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal terus mengorak langkah dengan pembinaan tapak kincir air di Weir 1c, berhampiran kolam takungan 1c UTeM. Projek yang telah bermula sejak 3 suku tahun lalu ini, diketuai oleh Prof Madya Dr Ir Abdul Talib bin Din dan diiktiraf sebagai top-down project dengan kos perbelanjaan melebihi RM100 000 dan bakal menjadi mercu tanda UTeM dalam menyahut seruan global ke arah pemuliharaan alam sekitar. Selain mendapat kerjasama oleh lebih 10 orang staf teknikal FKM serta staf akademik dan teknikal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, projek ini turut dibantu oleh Engr Dr Md Fahmi bin Abd Samad, selaku Perunding Teknikal.

Secara keseluruhannya, projek ini merangkumi fabrikasi kincir air bergaris pusat kira-kira 10 meter, fabrikasi dua pemegang kincir dan penyediaan tapak. Proses-proses fabrikasi kincir air yang dianggarkan seberat 2.5 tan kini sampai ke peringkat penambahbaikan rekabentuk dan dijangka siap tidak lama lagi. Fabrikasi kedua-dua pemegang kincir air juga sudah hampir siap sepenuhnya. Sejak pertengahan November lalu, projek Kincir Air Mercu Tanda Teknologi Hijau UTeM kini di dalam fasa pembinaan tapak konkrit untuk mendirikan pemegang kincir. Pelbagai masalah dihadapi sepanjang perjalanan projek, namun ahli-ahli projek menunjukkan kesungguhan yang tinggi di atas kepentingan pembinaan ukuwah dan peningkatan pengetahuan dan pengalaman. Fasa-fasa berikutnya adalah pemasangan pemegang, pemasangan kincir, pembinaan saluran air dan seterusnya pemasangan sistem penjaan tenaga mesra alam.

Dengan terbinanya kincir air ini, FKM berharap akan dapat membina kesedaran yang tinggi dan meningkatkan pengetahuan komuniti UTeM dan orang ramai tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan aplikasi teknologi hijau demi kelestarian hidup generasi kini dan akan datang.

Disediakan oleh: Dr. Md fahmi bin Abd Samad @ Mahmood



Paper Review: A New Methodology for Extracting Manufacturing Features from CAD System

M.A.Salim¹, A.Noordin²

¹Faculty of Mechanical Engineering, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

²Faculty of Electrical Engineering, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

1.0 Introduction

The author of this paper introduces new features of CAD software representing solid model using CSG technique as a design tool. Normally, CAD design represents small and different solid primitives that are combined together as a part of design. This CAD software can generate geometrical information or data in form of ASCII file (IGES) format which proposed methodology to communicate with various CAD/CAM systems.

This features recognition can detect the features and pockets like through, blind and round corners. Besides it also can detect the inclined surfaces, holes and steps. These all features can be called as manufacturing information where the application is in CAM. Figure 1 shows the structure of the proposed methodology.

There are three phases proposed in this methodology that are a data file converter, an object form features classifier and a manufacturing features classifier as shown in Figure 2. Data file converter functioning to convert a CAD data in IGES/B-Rep format to a new object oriented data structure. Then in second phase, the data being classify and grouping bases on features and in the final phase the features is classify by manufacturing features before sorting onto manufacturing database.




Figure 1: Structure of a proposed methodology




Figure 2: Flowchart of extraction and classification of features

2.0 Boundary representation (B-Rep)

B-Rep is known as a boundary representation and it was one of the solid modeling methods used to create a solid model. B-rep also used for a geometric data modeling. It represents the vertices, edges and surfaces for the entities of two dimensions, one dimension and zero dimensions.

By the way of orientation, solid is bounded by surfaces. Solid also can be defined by combination of a set of faces. Figure 3 shows the topology of the solid model as a set of faces. This faces is bounded by edges and this edges bounded by vertices. The point needs to be separated and the direction of the surface is perpendicular from each faces, respectively. The geometrical data includes the coordinates of vertices and metric information such as distances, angles, area and volumes. Using the B-Rep, the topology relations must be stated between set of surfaces to define the shape and volume of the object.




Figure 3: A boundary representation

3.0 Conversion of CAD data files to Object Oriented Data Structure (OODS)

A definition of data in a project uses a standard format called as IGES. This format is used in solid modeling CAD in B-Rep structure. This format also can be represented by the entry field constitutes by the IGES file. The geometric information represents lines, planes, circles and etc and the topological information defined the relationship between the object's geometric parts. For instance, loop external loop or internal loop is part of topology. The external loop provides the location of main geometric profiles and internal loop represent a protrusion or a depression on an external loop.

4.0 The Overall Object-oriented Data Structure of the Proposed Methodology

The step toward automatic features extraction will be achieved when the geometric and topological was being extracted using the information from IGES/B-Rep CAD file. Based on this, the highest is shell where it represents the manufacturing features. This shell is divided by simple and compound features such as slot, pocket, hole and etc. Generally, features being divided to concave and convex. Concave actually consists of two or more faces while convex are attributes in the generic feature class. In this case, faces are consists of a plane, ruled surface, p-spline surface and etc. Due to topology and geometry features, it can be classify as interior and exterior form features. On the other hand, form features can be defined located at the faces. Figure 4 show the concave and convex features and edges..





Figure 4: Concave and convex features and edges



